

Tajuk: Gedung Kuning: Memories of a Malay Childhood

Penulis: Hidayah Amin

Penerbit: Persatuan Warisan Singapura dan Helang Books

Harga: \$24.90 (sebelum GST)

Boleh dibeli: Di semua gedung buku utama Malaysia dan Singapura atau lungsur laman <http://gedungkuning.com>

TAHUKAH anda bahawa sebelum diletakkan di bawah naungan Taman Warisan Melayu, Gedung Kuning sebenarnya merupakan rumah enam anak peniaga masyhur, Haji Yusoff 'Tali Pinggang', dari 1912 hingga 1999?

Bagi anda yang meminati bidang sejarah namun enggan membaca buku-buku bersifat akademik, inilah buku berguna lagi tepat anda.

Susuri rentetan peristiwa melingkari keluarga tersebut, daripada perniagaan Haji Yusoff pada abad ke-19 sehingga rumah itu diambil semula pihak pemerintah, menerusi buku *Gedung Kuning: Memories of a Malay Childhood*, tulisan cicit Haji Yusoff, Hidayah Amin.

Gedung Kuning, atau dikenali sebagai *Yellow Mansion*, terletak di Sultan Gate, di sekitar kawasan Istana Kampong Glam. Bangunan ini pernah menjadi kediaman kerabat diraja dahulu.

Seperkara menarik yang saya baca dalam buku ini adalah bab *Hantu!*, di mana Hidayah menceritakan tentang dakwaan orang bahawa moyangnya memelihara hantu demi memajukan perniagaan. Ingin tahu betul atau tidak? Bacalah!

Gaya bahasa yang digunakan Hidayah, seorang sarjana universiti ulung dunia, Cambridge, begitu mudah difahami segenap lapisan masyarakat.

Setiap bab merupakan rakaman cerita menarik yang sarat unsur pengajaran dan bukan sorotan sejarah yang membosankan.

Anda hanya perlukan penguasaan bahasa Ingeris yang asas untuk memahami apa yang terkandung dalam karya setebal 227 halaman ini.

Hampir setiap halaman diselang-selikan dengan gambar-gambar lama dan baru, milik penulis dan keluarganya, melengkapi gambaran yang terhasil di minda pembaca.

Sepanjang pembacaan, anda akan merasakan seolah-olah anda berada di sisi Hidayah sendiri, sewaktu beliau membesar di Gedung Kuning dahulu.

Alami setiap gejolak perasaan yang mengikuti setiap kejadian di rumah tersebut. Ada kalanya, anda

akan terhibur girang. Ada kalanya, anda terasa marah dan ada kalanya, menitikkan air mata – langsung tidak ubah seperti melalui *rollercoaster* emosi.

Satu lagi aspek menarik *Gedung Kuning* adalah maklumat tambahan yang terdapat di bahagian belakang buku. Antaranya ialah susur-galur keluarga, catatan kejadian penting dalam sejarah Gedung Kuning, resipi istimewa, glosari perkataan Jawa, peta, gambar dan lakaran seni bina.

Maklumat tambahan ini merangkumi rumusan-rumusan mudah dan berguna bagi menambah kefahaman terhadap sejarah.

Bak perkataan Jawa yang diketengahkan Hidayah dalam glosari, kita boleh jadi *cham-ping* (bermaksud pandai) selepas menelitinya! Atas dasar itu, sukar untuk saya mencari sebarang kekurangan kerana saya banyak meraih ilmu dan menerokai sejarah yang tidak pernah saya ketahui sebelum ini menerusi buku ini.

Barangkali apa yang boleh ditelusuri dengan lebih cermat adalah penjelasan tentang seni bina yang agak sarat unsur teknikalnya, yang terda-



MEMORI MANIS: 'Gedung Kuning: Memories of A Malay Childhood' merakam pelbagai kisah bersejarah usahawan termasyhur, Haji Yusoff 'Tali Pinggang', yang juga penghuni Gedung Kuning. – Foto PERSATUAN WARISAN SINGAPURA/HELANG BOOKS

pat di bahagian maklumat tambahan. Anda memerlukan sedikit masa untuk memahaminya.

Secara keseluruhan, *Gedung Kuning* merupakan satu bahan bacaan yang sangat mengasyikkan dan berbaloi.

Saya sanggup berjaga sehingga 3 pagi semata-mata untuk membacanya dari mula hingga akhir.

Di samping itu, buku ini merupakan satu rakaman sejarah yang tidak ternilai kepentingannya terhadap masyarakat Melayu setempat.

Anda yang bergelar anak Melayu wajib mendapatkan naskhah anda demi melestari dan menghidupkan semula kisah silam Gedung Kuning sebelum ia hilang buat selama-lamanya.

Nota: Penulis mahasiswa Universiti RMIT (SIM Global Education)